

BENTUK KERTAS SOALAN

Terdapat 2 bahagian soalan dalam kertas soalan ini iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Dalam Bahagian A terdapat satu soalan sahaja iaitu karangan berpandukan gambar. Calon wajib menjawab soalan ini dan panjang karangan dalam lingkungan 200 – 250 patah perkataan. Calon menjawab berdasarkan tema dan tugas yang diberi. Dalam bahagian B pula, terdapat lima soalan dan calon memilih satu soalan sahaja. Panjang karangan Bahagian B ialah melebihi 350 patah perkataan. Soalan satu berbentuk **dimensi diri**, soalan dua berbentuk **dimensi keluarga**, soalan tiga berbentuk **dimensi negara**, soalan empat berbentuk **dimensi antarabangsa** dan soalan lima pula berbentuk **dimensi masyarakat**. Soalan terdiri daripada soalan berformat dan tidak berformat. Soalan berformat ialah soalan tiga dan lima iaitu format rencana dan cerpen. Manakala soalan tidak berformat pula ialah soalan satu, dua dan empat iaitu ulasan, pendapat dan komen. Karangan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau tulisan jawi.

PRESTASI KESELURUHAN

BAHAGIAN A

Pada keseluruhannya prestasi calon meningkat. Bilangan calon yang memperoleh markah tinggi semakin bertambah berbanding tahun sebelumnya. Kematangan calon dalam menyampaikan idea juga semakin terserlah. Calon juga dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai hukum bahasa. Namun begitu, masih terdapat calon yang gagal menguasai kemahiran menulis dan menyampaikan idea dengan baik dan berkesan. Mereka juga gagal menepati kehendak dan tugas soalan.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Jawapan mantap selari dengan kehendak dan tema bahan rangsangan. Calon memahami arahan dan kehendak soalan dengan tepat. Jawapan calon menarik kerana menggunakan bahasa yang gramatis, ayat yang bervariasi, kosa kata luas dan tepat, wacananya lengkap dan ungkapan menarik yang relevan digunakan. Idea dihuraikan dengan jelas, matang, lancar, mudah difahami dan kesalahan bahasa sangat minimum. Keseluruhan perbincangan menunjukkan bahawa calon-calon peka akan isu-isu semasa.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Karangan calon masih menepati tema bahan rangsangan dan mutu jawapan masih memuaskan walaupun tidak begitu berkesan. Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraian masih jelas. Bahasa yang digunakan masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. Wacananya masih lengkap dan unsur bahasa masih bervariasi.

Terdapat jawapan calon dalam kumpulan ini kurang menepati kehendak tugas. Idea yang dikemukakan ada yang kurang relevan dengan kehendak tugas dan huraian kurang jelas. Selain itu, bahasa calon kumpulan ini kurang gramatis dari segi kata dan ayat,

manakala kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara juga. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang sangat ketara. Penggunaan kosa kata terhad, wacana pula kurang lengkap dan unsur bahasa kurang bervariasi.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon dalam kumpulan ini gagal memahami tugas atau kehendak soalan. Terdapat jawapan yang kurang menepati kehendak tugas dan ada juga jawapan yang tidak menepati tema bahan rangsangan. Tegasnya, calon tidak menjawab tugas soalan dan idea yang dikemukakan tidak menepati tema bahan rangsangan. Calon juga gagal menguasai kemahiran menulis. Kegagalan ini menyebabkan idea tidak dapat dihuraikan dengan lancar, jelas dan tersusun. Terdapat juga jawapan calon tidak mencapai tahap iaitu karangan yang tidak mencapai 200 hingga 250 patah perkataan. Kebanyakan calon dalam kumpulan ini menggunakan bahasa yang kurang atau tidak gramatis. Bahasa yang kurang gramatis masih boleh difahami manakala bahasa yang tidak gramatis sangat sukar difahami.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan Bahagian A

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menangani gejala vandalisme. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Kekuatan

Calon yang cemerlang dapat menjawab tugas soalan menepati tema bahan rangsangan. Kecemerlangan jawapan calon terserlah kerana mereka berupaya menggunakan bahasa yang gramatis dari segi morfologi dan sintaksis. Penggunaan kosa kata luas dan tepat sesuai dengan tahap kematangan calon. Calon membuktikan kecemerlangan dengan penggunaan ayat yang bervariasi, di samping dapat mengaplikasikan ungkapan yang menarik dan relevan dengan tema bahan rangsangan. Jawapan calon juga diperkukuh dengan pengolahan yang sangat menarik. Idea-idea yang relevan dengan tema dihuraikan dengan jelas dan matang. Contoh kecemerlangan jawapan calon dapat disandarkan kepada kegramatisan ayat, penggunaan kosa kata, ungkapan dan kejelasan idea dalam penulisan adalah seperti yang berikut:

Calon yang menguasai ayat yang gramatis dan bahasa yang lancar serta kosa kata yang luas dan tepat, contohnya;

- i. Kerajaan harus mengadakan bulan atau hari membendung gejala vandalisme bersama-sama rakyat dengan mengadakan kempen dan gotong-royong di kawasan perumahan atau tempat awam supaya mereka menyedari kepentingan harta benda awam yang disediakan.*
- ii. Kita perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi membanteras gejala ini daripada menular sehingga mencacatcelakan persekitaran dan memburukkan nama negara kita.*
- iii. Pada pandangan saya, manusia perlu bijak berfikir dan mengelakkan diri daripada menyalahi undang-undang.*

- iv. Kegiatan vandalisme bukan sahaja menyebabkan kemusnahan harta benda tetapi juga dapat menimbulkan masalah kepada orang yang perlu menggunakan kemudahan yang disediakan terutamanya pada masa berlaku kecemasan.
- v. Anak-anak yang dibesarkan dalam persekitaran yang kondusif dan kaya dengan amalan-amalan nilai murni dalam kehidupan seharian akan menjadi seorang insan yang kamil dan bersahsiah tinggi pada masa hadapan.

Calon dalam kumpulan cemerlang dapat mengaplikasi ungkapan yang tepat dan bersesuaian dengan konteks perbincangan, contoh;

- i. Dibakar tidak hangus, direndam tidak basah
- ii. Kerana nila setitik rosak susu sebelanga
- iii. Hangat-hangat tahi ayam
- iv. Melentur buluh biarlah dari rebungunya.
- v. Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing
- vi. Baba borek anak rintik
- vii. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh
- viii. Penat tukang menempa, besi binasa tukang tak menjadi

Calon-calun dalam kumpulan yang sama juga dapat menjawab menepati kehendak tugas soalun, iaitu usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menangani gejala vandalisme. Mereka dapat menghuraikan usaha-usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak seperti kerajaan, orang ramai dan media massa. Calon dapat menyatakan contoh-contoh kegiatan vandalisme yang membuktikan mereka memahami konsep vandalisme. Antara contoh vandalisme yang dikemukakan termasuklah, merosakkan telefon awam, menconteng dinding-dinding bangunan, merosakkan kemudahan di taman permainan kanak-kanak dan taman rekreasi.

Contoh skrip calon:

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencorakkan kehidupan anak-anak. Pendidikan yang bermula dari rumah ini dapat membentuk penibadi yang baik dalam diri anak-anak. Ibu bapa mesti menerapkan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak mereka sejak mereka kecil lagi. Bak kata pepatah, melentur buluh biar daripada rebungunya. Pemantauan ibu bapa terhadap aktiviti anak-anak mereka sedikit sebanyak dapat menghentikan gejala vandalisme ini.

Peranan guru di sekolah juga penting bagi membentukkan pendidikan agama dan pendidikan moral kepada pelajar-pelajar agar mereka tidak terjejak dengan penyakit sosial ini. Galakan kokurikulum juga dapat membantu mengisi masa lapang pelajar dengan aktiviti yang berfaedah dan mengurangkan vandalisme. Bimbingan dan kawarding boleh diberikan kepada semua pelajar bagi menanamkan kepedarasan sivik dalam diri mereka.

Kelemahan

Kelemahan yang kerap ditemui ialah calon tidak memfokus jawapan kepada usaha-usaha menangani gejala vandalisme. Calon menghuraikan punca-punca berlakunya gejala vandalisme sebagai isi utama. Pada bahagian kesimpulan barulah calon membincangkan langkah mengatasi vandalisme. Manakala aspek bahasa pula calon gagal menguasai kemahiran berbahasa. Sekalipun bahasa masih gramatis dan penggunaan kosa kata masih luas tetapi sebahagian besar bercampur aduk dengan bahasa lisan dan pengaruh bahasa ibunda. Di samping itu, terdapat ayat yang menyalahi hukum tatabahasa bahasa Melayu. Ayat kurang bervariasi, salah penggunaan imbuhan, kosa kata agak terhad dan salah penggunaannya, contohnya:

- i. Dia orang nie tak takut ke pada jaga di tempat itu ...*
- ii. Tentang tempat permainan, apabila kita rosakkan, kita mestilah menolong membaiki, jangan biarkan ...*
- iii. Gejala vandalisme ini perlu dilupuskan ...*
- iv. Menyabut gagang talipon ...*
- v. ... guna baik harta benda telephone itu boleh gunakan kecemasan yang apa-apa yang boleh call tempat yang penting kalau menambah kemalangan di jalanraya boleh call hospital ataupun polis kita tak perlu masuk duit kita akan boleh gunakan percuma ditempat kecemasan ini untuk yang kita semuanya ka.*
- vi. Masalah ini juga digolongkan dalam masalah mental kerana mereka mempunyai masalah tekanan mental mental sehingga mereka tidak dapat kawalan diri.*
- vii. Manakala di tempat awam terdapat banyak pondok telefon dipersekitaran kita tetapi tidak menggunakan.*
- viii. Menangani gejala vandalisme yang paling sering timbul ialah kerosakan awam telefon.*
- ix. Mereka yang dalam masalah berkongsi masalah dengan rakan yang tidak betul akhlaknya maka kesannya, berlakulah kerosakan yang sedemikian rupa.*
- x. Selain itu dinding-dinding juga telah diconteng oleh samseng dan kerajaan membuat satu pagar melindungi dan sentiasa menutupi pagar itu dan juga boleh meletakkan satu camera di situ untuk merekodkan orang yang conteng dinding itu dan memberi dendaan.*

Calon dalam kumpulan ini juga tidak dapat mengembangkan isi dengan baik. Oleh sebab itu, pengolahan dan penyampaian tidak menarik dan tidak berkesan. Pemerenggan tidak seimbang dan tidak ada pertautan antara satu perenggan dengan perenggan yang lain serta penggunaan tanda baca pun kurang sesuai.

Selain itu, calon dalam kumpulan yang lemah ini gagal mengemukakan peribahasa yang bertepatan dengan konteks perbincangan. Walaupun ungkapan menarik digunakan tetapi maksudnya tersasar daripada lingkungan perbincangan dan terdapat juga peribahasa yang tidak tepat, contoh;

- i. Biarlah melentur buluh dari rebungunya*
- ii. Satu batu mengena dua burung*
- iii. Merentung buluh biarlah dari rebungunya*
- iv. Berat bahu yang menjunungi, berat lagi mata yang melihat*
- v. Bagai ibu ketam mengajar anak ketam berjalan lurus*
- vi. Kerana setitik nira binasa seabdi susu*
- vii. Melentur rebung biarlah dari rebungunya*

Kelemahan calon terseloh apabila jawapan yang dikemukakan kurang menyentuh tugas sebaliknya lebih terarah kepada perkara-perkara lain berbanding dengan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menangani gejala vandalisme. Oleh sebab itu, perbincangan dalam jawapan menjurus kepada punca dan kesan vandalisme dan menyentuh sedikit sahaja tentang usaha-usaha menangani vandalisme.

Contoh karangan;

(Negara kita ada negara yang bersatu padu namun kita memberi tempat utama kepada kebersihan tetapi ~~sekarang~~ ^{kebanyakan masyarakat} tidak menunjukkan sikap kebersihan. Di negara kita ada beberapa tempat awam iaitu tempat perniagaan tempat rehatan, pondok telefon dan tempat membuang sampah (~~limbah~~) dan lain-lain. Kebersihan ini adalah untuk pertolongan kepada masyarakat semasa gembira atau susah (~~tempat awam~~ ini ~~di~~ ~~dua~~ ~~dibina~~ daripada ~~perancangan~~ ~~untuk~~ yang ~~di~~ ~~beri~~ oleh ~~pekerja~~ ~~negara~~ ~~ini~~).

Bada beberapa GEJALA VANDALISME memusnahkan tempat awam untuk keserta hati mereka yang ini menunjukkan mereka tidak ada nilai-nilai murni. GEJALA VANDALISME tidak mengingatkan tentang kewasahan yang berlaku kepada masyarakat lain dan diri (~~Lembaga~~ ~~Malaysia~~) mesti memberi hukuman kepada mereka yang memusnahkan tempat awam seperti ~~di~~ ~~rajurus~~ 2-3 tahun. ~~Musnahkan~~ ~~satu~~ ~~kabinet~~ ~~untuk~~ ~~di~~ ~~sebuah~~ ~~negara~~ ~~di~~ ~~rajurus~~ dan ~~di~~ ~~amgati~~ ~~sebuah~~ ~~negara~~ ~~di~~ ~~rajurus~~ untuk ~~mengingat~~ ~~GEJALA~~ ~~VANDALISME~~.

Memben laluan dalam sural ~~rajurus~~ seperti:

- ~~Setiap~~ ~~yang~~ ~~merobek~~ ~~atau~~ ~~memusnahkan~~ ~~tempat~~ ~~awam~~ ~~boleh~~ ~~berhutan~~ ~~dengan~~ ~~kita~~, ~~se~~ ~~siapa~~ ~~yang~~ ~~memben~~ ~~laku~~ ~~keser~~ ~~kita~~ ~~tantang~~ ~~GEJALA~~ ~~Vandalisme~~ ~~kita~~ ~~memben~~ ~~RM1,000~~ ~~kepada~~ ~~perancangannya~~) 11.03/1/SA-02

Membuat satu kempen untuk GEJALA VANDALISME

Kesilapan

Terdapat calon gagal menguasai kemahiran atau teknik menulis dengan baik dan berkesan. Hanya sebilangan kecil calon yang dikenal pasti memperoleh markah pada peringkat pencapaian minimum. Calon-calun ini sebenarnya tidak berjaya menguasai kemahiran asas dalam penulisan. Oleh sebab itu, bahasa yang dikemukakan dalam bentuk jawapan bertulis tiada bezanya dengan bahasa basahan. Di samping itu, ada calon yang tidak memahami kehendak tugas soalannya. Impaknya ialah mereka gagal menjawab tugas soalannya. Sebaliknya, jawapan yang ditulis ialah kesan atau punca vandalisme. Kelemahan paling ketara ialah aspek bahasa. Bahasa yang digunakan oleh calon kurang gramatis atau tidak gramatis dari segi kata dan ayat. Struktur ayat atau binaan ayat tidak mengikut hukum-hukum tata bahasa bahasa Melayu dan menyukarkan maksud sebenar difahami dengan tepat. Contoh kesilapan calon dari segi kegramatisan ayat, penggunaan kosa kata, ungkapan dan kejelasan idea dalam penulisan adalah seperti yang berikut:

- i. Ini kerana ibu bapa merupakan satu peranan penting dalam usaha-usaha menangani kes vandalisme dengan mendidik anak-anak membezakan sesuatu perkara baik atau buruk.*
- ii. Pada masa kini masyarakat semakin berhala ke arah maju.*
- iii. Ini akan mempengaruhi gejala vandalisme untuk pergi ke jalan yang benar dan positif.*
- iv. Gejala vandalisme ini akan dijalanbeberapa sampah yang ada dikawasan sekitaran gejala ini.*
- v. Mereka akan tulik perkataan jahat dan buusuk atas dinding bangunan.*
- vi. Kerajaan membekalkan kemudahan awam kepada kita untuk memudahkan kehidupan seharian kita ... kesan-kesan ini akan memberikan tanggapan yang buruk kepada negara-negara luar.*
- vii. Gejala vandalisme hanya melibatkan pelajar-pelajar sekolah.*
- viii. Pihak kerajaan telah membina banyak perkhidmatan awam, tetapi perkhidmatan wam ini telah dirosakkan oleh orang ramai.*
- ix. Gejala ini boleh dielakkan dengan melakukan aktiviti yang lebih berguna untuk mengisi masa lapang yang terluang dan kempen besar-besaran harus diadakan oleh pihak kerajaan mudah-mudahan gejala ini dapat dibendung dengan keinsafan yang dikecapi oleh masyarakat.*

Calon-calun juga membuat kesilapan apabila menggunakan peribahasa yang tidak tepat dalam jawapan mereka, sama ada ungkapan itu tidak tepat dengan maksud huraian atau menyongsangkan peribahasa atau tidak menulis keseluruhan peribahasa; contoh

- i. Kerana setitik nira binasa seabaldi susu*
- ii. Berakit-rakit ke hulu berenang-renang ketepian ...*
- iii. Masuk kandang kerbau mengebau, masuk kandang kambing mengembek*
- iv. Ada angin ada pokoknya.*
- v. Bagai tebing dengan aur.*

Kebanyakan calon berbuat silap kerana mereka tidak memberi fokus kepada tugas sebaliknya membincangkan punca dan kesan gejala vandalisme secara menyeluruh. Usaha-usaha menangani gejala ini disentuh sebagai kesimpulan karangan sahaja. Selain itu, calon tidak memahami maksud gejala vandalisme. Hal ini terbukti apabila calon menyatakan "Saya rasa polis negara kita boleh merayaukan kawasan tempat permainan pada masa malam kerana gejala vandalisme suka merosakkan barang awam pada masa malam kerana tidak ada orang keluar untuk bermain. Bukan tempat permainan sahaja, gejala vandalisme juga tidak melepaskan telephone awam."

BAHAGIAN B

Prestasi Keseluruhan Mengikut Kumpulan Calon Bahagian B

Kumpulan Tertinggi

Calon dalam kumpulan ini dapat menghasilkan karangan yang cemerlang dengan menguasai tatabahasa bahasa Melayu dengan baik, mempunyai perbendaharaan kata yang luas dan tepat penggunaannya. Calon berkemampuan membina ayat yang pelbagai ragam serta berkesan untuk mengungkap maksud yang hendak disampaikan. Mereka juga dapat memberikan isi-isi yang sangat relevan berserta contoh yang amat sesuai dan mampu mengolah setiap isi dengan amat baik. Calon juga menunjukkan kematangan fikiran dengan pengolahan yang berkesan.

Kumpulan Sederhana

Secara keseluruhannya bilangan calon dalam peringkat sederhana adalah lebih ramai berbanding calon dalam kumpulan tinggi. Calon memahami kehendak soalan dan mampu menyenaraikan isi berserta contoh yang bersesuaian karangan yang dihasilkan mempunyai isi yang cukup serta contoh yang sesuai tetapi masih terdapat kesalahan bahasa yang ringan seperti ejaan dan kadang-kadang kosa kata yang salah. Pengolahan dan pemerenggan masih berkesan dan sesuai. Namun begitu terdapat juga calon dalam peringkat ini hanya memahami soalan secara tersurat tetapi keliru dengan kehendak soalan sebenar. Dalam ertikata lain, isi yang dikemukakan masih terdapat tiga tetapi kurang mengaitkan isi tersebut dengan tajuk karangan. Dalam hal ini bahasanya pula berada pada tahap masih memuaskan dan lancar.

Kumpulan Rendah

Secara keseluruhannya jawapan calon tidak bermutu. Calon tidak mempunyai kemahiran menulis. Penguasaan perbendaharaan kata calon amat lemah. Hal ini disebabkan calon kurang membaca serta tidak memahami kehendak soalan menyebabkan mereka gagal memberikan isi yang sesuai. Pengolahan calon amat lemah sehingga sukar untuk mengesan isi. Isi yang diberi tidak tepat dan bahasa tidak memuaskan atau lemah. Terdapat juga calon yang menghurai isi yang menggunakan bahasa yang dipengaruhi bahasa ibunda masing-masing. Calon banyak melakukan kesalahan bahasa seperti ejaan, tanda baca dan penggunaan kosa kata yang tidak tepat. Ada sesetengah skrip yang tidak difahami kerana struktur ayatnya tidak jelas. Terdapat sesetengah calon yang menulis karangan tanpa perenggan. Ada sebilangan kecil calon hanya mampu menyalin soalan sahaja dan mengulang-ulangnya dalam ayat.